

**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
SEPETANG BERSAMA PEMIMPIN
SMK DURIAN TUNGGAL 2009
DI SMK DURIAN TUNGGAL
PADA HARI AHAD, 25 OKTOBER 2009, JAM 4.30 PETANG**

(2)

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
DAN SALAM SEJAHTERA,**

TERIMA KASIH KEPADA PENGACARA MAJLIS,

**YB DATUK HAJI YAAKUB BIN MD AMIN,
PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI PELAJARAN, SAINS
DAN TEKNOLOGI, DAN SUMBER MANUSIA,
MERANGKAP:
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN) SUNGAI UDANG;**

**YB DATUK HAJI AB. WAHAB BIN AB. LATIP,
TIMBALAN PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI
PELAJARAN, SAINS DAN TEKNOLOGI, DAN SUMBER
MANUSIA,
MERANGKAP:
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DURIAN TUNGGAL;**

(3)

**YBHG TUAN HAJI ISA BIN HAJI ABU,
PENGARAH PELAJARAN NEGERI MELAKA;**

**YBHG TUAN HAJI ROSLAN BIN AHMAD,
YANG DIPERTUA PIBG SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
DURIAN TUNGGAL;**

**YBHG TUAN HAJI JAMIL BIN JAAMAT,
PENGETUA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DURIAN
TUNGGAL**

KETUA-KETUA JABATAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN,

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PIBG SMK DURIAN TUNGGAL,

**PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT, GURU-GURU, IBU-IBU
BAPA-BAPA, PARA PELAJAR,**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

(4)

1. ALHAMDULILLAH, MARILAH KITA SAMA-SAMA MEMANJAT KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIA-NYA, DAPAT KITA BERSAMA-SAMA HADIR DALAM MAJLIS SEPETANG BERSAMA PEMIMPIN YANG DIANJURKAN OLEH PERSATUAN IBU BAPA GURU (PIBG) SEKOLAH MENENGAH DURIAN TUNGGAL.

2. SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA KEPIMPINAN SEKOLAH DAN PIBG KERANA TELAH BERJAYA MENGANJURKAN “MAJLIS SEPETANG BERSAMA PEMIMPIN”. SAYA PERCAYA KEJAYAAN MENGANJURKAN MAJLIS INI MERUPAKAN BUKTI HUBUNGAN KERJASAMA DAN INTERAKSI YANG BAIK ANTARA PIHAK PIBG DAN WARGA SEKOLAH

(5)

DALAM USAHA UNTUK MENINGKATKAN PRASARANA SEKOLAH KE ARAH LEBIH KONDUSIF DAN SELESA UNTUK KEMUDAHAN PELAJAR DAN GURU UNTUK MENCAPAI STATUS SEKOLAH CEMERLANG PADA MASA DEPAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

3. MAJLIS SEBESAR INI TIDAK AKAN BERJAYA TANPA KERJASAMA DAN SOKONGAN SEMUA PIHAK TERUTAMA PIBG, WARGA SEKOLAH DAN ANGGOTA MASYARAKAT SETEMPAT. MAJLIS INI BOLEH DIJADIKAN MEDIUM UNTUK IBU BAPA, AGENSI-AGENCI LUAR SERTA KOMUNITI SETEMPAT MENGENALI SEKOLAH INI DENGAN LEBIH DEKAT

(6)

DI SAMPING MEMBERIKAN SUMBANGAN BAGI KUTIPAN DANA PIBG. SOKONGAN IBU BAPA BUKAN SAHAJA DIPERLUKAN UNTUK SEGALA PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK SEKOLAH, MALAH DALAM MEMANTAU DISIPLIN PELAJAR AGAR TIDAK TERJERUMUS DAN TERLIBAT DENGAN AKTIVITI YANG TIDAK BERFAEDAH.

4. MAJLIS INI JUGA SEHARUSNYA DIJADIKAN SATU PENDEKATAN UNTUK MEMBINA HUBUNGAN DUA HALA BERTUJUAN MEWUJUDKAN PERMUAFAKATAN DAN PENYELESAIAN MASALAH BERSAMA. SUDAH TENTU, KERAJAAN NEGERI SENTIASA MENYOKONG USAHA-USAHA MURNI SEPERTI INI DEMI MENINGKATKAN LAGI KEMUDAHAN

(7)

INFRASTRUKTUR YANG LEBIH KONDUSIF, LENGKAP DAN SELESA SEJAJAR DENGAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN. USAHA SEPERTI INI WAJAR DIPUJI DAN DIPANDANG SEBAGAI SATU USAHA MURNI DAN SEPATUTNYA DITERUSKAN PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG KERANA KITA PERLU BERDIKARI DAN BERUSAHA LEBIH UNTUK MENCAPAI CITA-CITA YANG DIHAJATI SERTA TIDAK BOLEH TERUS SELESA DENGAN HANYA BERGANTUNG KEPADA TINGKAT YANG DIBERIKAN. SEBALIKNYA KITA PERLU KELUAR DARI KEPOMPONG DENGAN KUDRAT, PERMUAFAKATAN DAN KEKUATAN YANG MANTAP JIKA INGIN BERJAYA.

(8)

5. PEMBANGUNAN MODAL INSAN MERUPAKAN PRA-SYARAT PENTING UNTUK MEMACU PERTUMBUHAN RANTAIAN EKONOMI BERNILAI TINGGI BERPAKSIKAN ILMU PENGETAHUAN DAN TEKNOLOGI. SEBAGAI CONTOH, PELAKSANAAN PELAN INDUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN (PIPP), TERMASUK PROGRAM SEKOLAH CEMERLANG, MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN DAN MERAPATKAN JURANG PENDIDIKAN DI ANTARA KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR, TERUS MENJADI KEUTAMAAN KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN NEGERI.

6. DALAM KONTEKS INI, KERAJAAN NEGERI MELAKA AKAN SENTIASA MEMBERIKAN SOKONGAN DAN BANTUAN

(9)

KEPADA SEMUA SEKOLAH UNTUK MELAHIRKAN LEBIH RAMAI PELAJAR YANG SEIMBANG DARI SEMUA ASPEK KEHIDUPAN SEJAJAR DENGAN FASA KEDUA PERANCANGAN PENDIDIKAN NEGARA IAITU MENYEDIAKAN AKSES, EKUITI DAN PENDIDIKAN BERKUALITI UNTUK SEMUA GOLONGAN AGAR PADA TAHUN 2020 KELAK, TIADA SEBARANG PIHAK YANG TERCICIR DARI ARUS KEMAJUAN NEGARA.

7. MENJELANG 'MELAKA MAJU 2010' SAYA INGIN MEMPASTIKAN BAHAWA ANAK-ANAK KITA AKAN MENJADI GENERASI YANG BIJAK PANDAI SERTA MEMPUNYAI VISI DAN MISI DALAM MEMACU MASA DEPAN MEREKA SENDIRI DEMI BANGSA, AGAMA DAN NEGARA.

(10)

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

8. SAYA PERCAYA USAHA YANG KONSISTEN DARIPADA GURU-GURU MAMPU MENJANA PENCAPAIAN YANG CEMERLANG DARIPADA PARA PELAJAR. KESUNGGUHAN GURU YANG TIDAK JEMU BERUSAHA, YANG SENTIASA MENGAJAR DENGAN LEBIH BAIK DARIPADA HARI INI DAN SENTIASA BELAJAR DARIPADA KELEMAHAN DIRI SENDIRI, SAYA YAKIN DAN PERCAYA KEJAYAAN DAN KECEMERLANGAN PELAJAR DALAM PELBAGAI BIDANG BOLEH DICAPAI.

(11)

9. SEBAGAI CONTOH SMK DURIAN TUNGGAL BUKAN SAHAJA MAMPU MELAHIRKAN PELAJAR YANG CEMERLANG DALAM BIDANG AKADEMIK MALAH BERUPAYA MENGETENGAHKAN KEBUDAYAAN MELAYU KITA KE PERINGKAT ANTARABANGSA IAITU DALAM MAJLIS PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI KOMENWEL KE-17 DI KUALA LUMPUR JULAI LALU.

10. SEKOLAH INI JUGA MERUPAKAN SATU-SATUNYA SEKOLAH YANG MEMPUNYAI PUSAT KEBUDAYAANNYA SENDIRI. MAKA TIDAK HAIRANLAH SEKOLAH INI SERING DIBERI KEPERCAYAAN MEMBUAT PERSEMBAHAN SAMA ADA UNTUK MAJLIS JABATAN PELAJARAN MELAKA MAHUPUN

(12)

UNTUK MAJLIS KERAJAAN NEGERI MELAKA. BARU-BARU INI SEKALI LAGI SEKOLAH INI DIBERI KEPERCAYAAN MEMBUAT RAKAMAN TARIAN ZAPIN BUDI SEBAGAI KOLEKSI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM MELAKA (PERPUSTAM). TAHNIAH DAN TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

11. PEPATAH MELAYU ADA MENYATAKAN 'KALAU TIDAK DIPECAHKAN RUYUNG, MANAKAN DAPAT SAGUNYA', KERANA USAHA DAN SEMANGAT GIGIHLAH TERBINANYA

(13)

TEMBOK BESAR DI NEGARA CHINA, TAJ MAHAL DI INDIA, PIRAMID DI MESIR DAN LAIN-LAIN MONUMEN YANG MENJADI KEBANGGAAN RAKYAT NEGARA ITU DAN KEAJAIBAN DUNIA HINGGA KE HARI INI. SAYA PERCAYA DENGAN KEGIGIHAN DAN KESUNGGUHAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEGALA CITA-CITA YANG MURNI INI AKAN MENJADI KENYATAAN. INSYA ALLAH.. DAN SEBAGAI BUKTINYA SEBAGAIMANA YANG KITA LIHAT DI DEPAN INI BERDIRI MEGAH SEBUAH MERCU TANDA 1MALAYSIA CETUSAN IDEA PERDANA MENTERI YAB DATO' SERI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK.

(14)

12. GAGASAN 1 MALAYSIA YANG DIPERKENALKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI MEMERLUKAN LANGKAH YANG BERTEPATAN DENGAN SUASANA DAN CITA RASA RAKYAT. GAGASAN INI SELARI DENGAN APA YANG TERMAKTUB DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN PRINSIP RUKUN NEGARA. RAKYAT MALAYSIA YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI BANGSA DAN AGAMA PERLU MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI BANGSA MALAYSIA YANG BERFIKIR DAN BERTINDAK KE ARAH MENCAPAI SEGALA MATLAMAT. SEJAJAR DENGAN INI PERPADUAN YANG SEDIA TERJALIN ANTARA KAUM DI NEGARA INI PERLU DIPERKUKUHKAN LAGI BAGI MEWUJUDKAN SUASANA YANG LEBIH AMAN, MAJU, SELAMAT DAN MAKMUR.

(15)

13. SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA PIHAK SEKOLAH KERANA TELAH BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH MENGIMPLEMENTASIKAN HASRAT PERDANA MENTERI MELALUI PEMBINAAN MERCU TANDA INI YANG MERUPAKAN SALAH SATU MERCU TANDA YANG DIBINA DI MALAYSIA. SAYA DIFAHAMKAN PEMBINAAN INI MERUPAKAN SALAH SATU MERCU TANDA YANG MENARIK DAN BOLEH DIBANGGAKAN OLEH WARGA SEKOLAH KHASNYA DAN RAKYAT MELAKA AMNYA.

14. USAHA INI SEBENARNYA MERUPAKAN TERJEMAHAN PIHAK SEKOLAH YANG WARGANYA TERDIRI DARIPADA PELBAGAI BANGSA DAN AGAMA. JUSTERU ITU USAHA INI

(16)

PERLU DILAKSANAKAN PADA PERINGKAT AKAR UMBI LAGI DAN INILAH INSTITUSI YANG PALING SESUAI UNTUK MEREALISASIKAN HASRAT KERAJAAN. SEMOGA HASRAT KEPIMPINAN NEGARA KITA UNTUK MENINGKATKAN SEMANGAT DAN PERPADUAN DALAM KALANGAN RAKYAT BERBILANG KAUM BERPAKSIKAN KONSEP 1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN DAPAT DIREALISASIKAN TERUTAMANYA PADA PERINGKAT SEKOLAH LAGI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

(17)

15. SEKALI LAGI SEKALUNG TAHNIAH TERUTAMA KEPADA PENERUS PIBG DAN PENGETUA SMK DURIAN TUNGGAL SERTA SEMUA WARGA SEKOLAH YANG TELAH TURUT SAMA BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MENJAYAKAN MAJLIS INI.

16. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN MAJLIS SEPETANG BERSAMA PEMIMPIN SMK DURIAN TUNGGAL 2009 DAN MERCU TANDA 1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN.

(18)

**SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**